

15 JUL 2003

PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO UNTUK DR MAHATHIR AKAN DITENTUKAN OLEH MT

PETALING JAYA, 15 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno akan membuat keputusan sama ada untuk menganjurkan perhimpunan agung khas sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur selaku presiden parti dan perdana menteri.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, memberitahu pemberita hari ini bahawa beliau menyerahkan kepada MT untuk membuat keputusan itu.

Bagaimanapun, katanya, Dr Mahathir sendiri pernah menyatakan bahawa beliau tidak mahu apa-apa sambutan diadakan apabila beliau berundur Oktober ini.

-- BERNAMA

JM MFJ MAI